



## KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

Tawaran Sebut Harga adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang seperti di bawah:-

NO.RUJUKAN	TAJUK	KOD BIDANG	TARIKH TUTUP	SYARAT UTAMA SEBUT HARGA
Sebut Harga MyCC (S) Bil.7/2024	Sebut Harga Bagi Membekalkan Perkhidmatan Membersih dan Mencuci Pejabat Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) Di Tingkat 14 & 15.	<b>i. 221001: Pembersihan Bangunan dan Pejabat</b>	<b>02 Julai 2024 (Selasa)</b>	Berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan Berdaftar di bawah kod bidang yang ditetapkan; dan  Tempoh pendaftaran dengan Kementerian Kewangan masih sah

Syarat-syarat, Arahan dan Maklumat lanjut mengenai pelawaan ini adalah dijelaskan di dalam Dokumen Sebut Harga dan boleh dimuat turun melalui laman sesawang MyCC, <https://www.mycc.gov.my/rfq-tender> bermula pada **20 Jun 2024 (Khamis) hingga 02 Julai 2024 (Selasa)**.

Kategori Teknikal dan Kategori Kewangan hendaklah di masukkan ke dalam sampul surat berasingan yang berlakri dan ditandakan "**Kategori Teknikal**" dan "**Kategori Kewangan**" di sebelah kiri setiap sampul surat berkenaan dan dialamatkan kepada **Bahagian Pengurusan Korporat, Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) Level 15 Menara SSM@Sentral, No. 7, Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral, 50623 Kuala Lumpur**.

Dokumen **Kategori Teknikal** dan **Kategori Kewangan** mestilah diserahkan sebanyak **tiga (3) salinan** dan kategori-kategori tersebut hendaklah dimasukkan kedalam sampul yang berasingan ke alamat **Bahagian Pengurusan Korporat Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC), Tingkat 15 Menara SSM @ Sentral 7, Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral, 50623 Kuala Lumpur** tidak lewat daripada jam 12.00 tengahari pada **02 Julai 2024 (Selasa)** dan sah selama 90 hari (sembilan puluh hari) selepas tarikh tutup sebut harga. Dokumen sebut harga tersebut mestilah dimasukkan kedalam sampul surat yang lebih besar yang berlakri (*sealed*) ditanda "**SEBUT HARGA NO: MyCC(S) Bil.7/2024**".